

Tiada kelulusan pajakan melombong baharu di Tasik Chini

Asrol Awang - Jun 17, 2021 @ 10:40am

bhnews@bh.com.my



PTG Pahang menjelaskan tiada lagi kelulusan pajakan melombong baharu di Tasik Chini oleh kerajaan Pahang selepas Mac 2019. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang

KUANTAN: Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang menafikan dakwaan pajakan melombong baharu di Tasik Chini diluluskan seperti didakwa seorang aktivis Isnin lalu.

Kenyataan bertajuk 'PTG Pahang dakwa tiada lesen lulus selepas 2019, tapi ada bukti pajakan melombong baharu lulus pada 2020' disiarkan di Facebook milik aktivis berkenaan.

Pengarah PTG Pahang, Datuk Fadzilla Salleh, berkata kenyataan terbabit tidak benar dan menegaskan bahawa tiada lagi kelulusan baharu pajakan melombong yang diberikan di kawasan Tasik Chini oleh Kerajaan Pahang selepas Mac 2019.

Katanya, berdasarkan semakan, pajakan melombong yang dimaksudkan sudah diluluskan pada 11 Disember 2013 dan didaftarkan pada 17 September 2020 atas nama sebuah syarikat.

"Tindakan pendaftaran ini mengambil masa kerana terbabit dengan permohonan penukaran nama dan penyediaan pelan prahitungan serta pelan akui dalam menentukan had sempadan kawasan lombong.

"Bagaimanapun, bagi tujuan pengoperasian lombong, permohonan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) oleh syarikat terbabit ditolak oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada 28 April lalu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, penggunaan 'tahun' pada nombor pajakan melombong yang didaftarkan adalah merujuk kepada tahun sesuatu pajakan melombong itu didaftarkan dan bukan tahun pajakan melombong diluluskan.

Katanya, selain itu, adalah dimaklumkan bahawa tempoh pajakan melombong dan tempoh operasi adalah dua perkara yang berbeza.

"Operasi melombong hanya boleh dimulakan selepas mendapat kelulusan SKSPM yang dikeluarkan oleh JMG mengikut tempoh tertentu," katanya.